

Tanda-tanda kanak-kanak yang mempunyai masalah emosi :


- Perubahan mendadak pada tingkahlaku seperti cepat marah dan kasar.
- Mengasingkan diri dari keluarga dan kawan-kawan.
- Hilang minat dalam aktiviti berkumpulan.
- Perubahan ketara pada selera makan, berat badan dan tidur.
- Mempunyai banyak aduan-aduan fizikal.
- Pencapaian akademik yang merosot dengan ketara dan mendadak.
- Tidak berminat serta sering ponteng sekolah.
- Degil, suka berbohong, mencuri dan merosakkan harta benda awam.

Jika kanak-kanak mengalami tanda-tanda di atas, mungkin mereka mengalami masalah emosi dan memerlukan bantuan profesional.



Kesihatan Mental Kanak-Kanak

Membesarkan seorang anak adalah satu cabaran besar bagi kebanyakan ibubapa. Walaubagaimanapun ia merupakan satu pengalaman yang boleh mendatangkan kepuasan. Selain daripada keperluan fizikal, kanak-kanak juga memerlukan kasih sayang, perhatian, rasa selamat dan disiplin untuk pertumbuhan dan perkembangan mental yang sihat.



KEPERLUAN KESIHATAN MENTAL KANAK-KANAK

Kasih Sayang

Kanak-kanak perlu merasa

.... ibubapanya kasih, sayang serta gembira berdampingan dengannya

.... ada orang di sampingnya yang sentiasa mengambil berat tentang dirinya

Penerimaan

Kanak-kanak perlu mempercayai

.... bahawa mereka disukai dan sentiasa diterima setiap masa

Keselamatan

Kanak-kanak perlu mengetahui

.... bahawa rumah dan persekitarannya ialah tempat yang selamat dan selesa baginya.

.... bahawa ibubapanya sentiasa bersedia membantu apabila mereka dalam kesusahan.

Perlindungan

Kanak-kanak perlu merasa

.... bahawa ibubapanya sentiasa memeliharanya dari keadaan bahaya dan menakutkan

Kebebasan

Kanak-kanak perlu mengetahui

.... bahawa ibubapanya sentiasa menggalakkannya mencuba perkara-perkara baru.

.... bahawa mereka mempunyai keyakinan diri sendiri dan sentiasa digalakkan mencuba perkara-perkara baru.

Kepercayaan

Kanak-kanak perlu mempunyai

.... tauladan tentang nilai moral yang boleh dipelajari seperti budi pekerti yang baik, jujur, pemurah dan adil.

Bimbingan

Kanak-kanak memerlukan

.... tunjuk ajar untuk belajar dan cara berinteraksi dengan orang lain dan persekitarannya.

Disiplin

Kanak-kanak memerlukan

.... panduan mengenai apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan

.... disiplin yang konsisten dan tidak kasar.

